

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98

FEBRUARI 1998

RPK 423 - Perancangan dan Pembangunan Pelancongan

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan di **BAHAGIAN A** dan **B** yang **diwajibkan** dan jawab **TIGA** soalan dari **BAHAGIAN C**.

**BAHAGIAN A (WAJIB)**

1. Terangkan secara ringkas **EMPAT** jenis pelancong seperti yang diterangkan oleh Cohen?  
(5 markah)
2. Bincangkan bagaimanakah pelancong boleh mempengaruhi tahap keupayaan menampung (*Carrying Capacity*) sesebuah kawasan pelancongan?  
(5 markah)
3. Tempat adalah antara aspek terpenting dalam pelancongan. Bincangkan **DUA** faktor yang boleh mempengaruhi tempat dan hubungannya dengan pelancongan.  
(5 markah)
4. '*I turn Shinshu*' adalah satu slogan yang digunapakai oleh Shinshu, sebuah wilayah di Jepun. Apakah kepentingan slogan ini kepada wilayah Shinshu dan mengapakah slogan ini dipilih?  
(5 markah)

**BAHAGIAN B (WAJIB)**

5. Kenapakah imej sesebuah destinasi itu penting dan terangkan bagaimana ia boleh mempengaruhi seseorang pelancong? Bincang dan berikan contoh.

(10 markah)

6. Mengapakah pelancongan bukannya **sebuah** industri? Berikan sebab-sebabnya serta terangkan elemen-elemen penting yang terdapat di dalam pelancongan.

(10 markah)

**BAHAGIAN C (Jawab TIGA soalan sahaja)**

7. Anda diberi tanggungjawab untuk merancang pembangunan pelancongan bagi kawasan Tasek Chini di Pahang. Terangkan secara ringkas metodologi yang perlu anda ambil di dalam merangka pembangunan tersebut. Bincangkan faktor-faktor penting yang perlu wujud bagi membantu kejayaan pembangunan tersebut.

(20 markah)

8. Pembangunan pelancongan berlaku dengan pesat sekali di Langkawi. Bincangkan **LIMA** peringkat utama yang telah, sedang dan bakal dilalui Langkawi di dalam prosesnya membangun menjadi sebuah destinasi yang terkemuka.

(20 markah)

9. Medan (Indonesia) telah berubah wajah dari sebuah daerah yang terpencil menjadi sebuah wilayah pelancongan yang semakin terkenal di rantau ini. Proses pembangunan yang berlaku sedikit sebanyak memberi kesan kepada penduduk-penduduk tempatan. Bincangkan peringkat-peringkat utama reaksi atau penerimaan penduduk-penduduk tempatan terhadap pembangunan pelancongan yang berlaku di sekeliling mereka.

(20 markah)

10. Pelancongan mendatangkan pelbagai impak kepada sesebuah destinasi. Bincangkan secara ringkas impak-impak utama yang mungkin timbul dari pembangunan pelancongan.

(20 markah)

11. Banyak faktor yang penting yang mempengaruhi pandangan dan penyertaan seseorang ataupun masyarakat terhadap pembangunan pelancongan. Bincangkan faktor-faktor tersebut.

(20 markah)

